VOL.2

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Jasin

# *Modul* Soalan Bocor

1223/1 PENDIDIKAN ISLAM SPM 2024




*Insya Allah* **A+**

*Disusun Oleh:* **S P J**
SAHABAT PENA JASIN

## SOALAN DAN JAWAPAN SOALAN TUNDINGAN PI SPM

## SET 1

### TILAWAH T4: SUNNATULLAH

**Firman Allah SWT:**

قَدۡ خَلَتۡ مِن قَبۡلِكُمۡ سُنَنٞ فَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ هَٰذَا
بَيَانٞ لِّلنَّاسِ وَهُدٗى وَمَوۡعِظَةٞ لِّلۡمُتَّقِينَ وَلَا تَهِنُواْ وَلَا تَحۡزَنُواْ وَأَنتُمُ ٱلۡأَعۡلَوۡنَ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ

Surah Ali - Imran Ayat 137-139

Ayat di atas menerangkan tentang Sunatullah.

Berdasarkan ayat diatas,

| | | |
|---|---|---|
| (i) | **Nyatakan maksud kalimah yang bergaris.**<br>Maksud kalimah bergaris ialah :<br>i) Mengembaralah dimuka bumi.<br>ii) Jangan lemah | [2 markah] |
| (ii) | **Nyatakan maksud Sunatuulah.**<br>Maksud Sunatullah ialah sistem dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.(1m) terhadap semua makhluk dan tiada siapa boleh mengubah atau menghalang ketetapan tersebut (1m). | [2 markah] |
| (iii) | **Jelaskan dua konsep Sunatullah.**<br>Dua konsep sunatullah ialah:<br>- Bersifat tetap dan kekal<br>- Merangkumi semua makhluk<br>- Berasaskan konsep sebab musabab | [2 markah] |
| (iv) | **Jelaskan dua sebab Allah membinasakan umat terdahulu.**<br>Dua sebab Allah membinasakan umat terdahulu ialah:<br>- Mereka bersifat kufur dan melanggar perintah Allah<br>- Mereka melakukan kerosakan dimuka bumi<br>- Mereka bersikap angkuh dan menuduh nabi pendusta | [4 markah] |
| (v) | **Jelaskan sebab kejayaan umat berikut:**<br>a) Kaum Nabi Yusuf a.s.<br>b) Tolut dan tenteranya.<br><br>Sebab kejayaan umat tersebut ialah:<br>- Kaum Nabi Yusuf: menyimpan bekalan makanan semasa menuai atas nasihat Nabi Yusuf<br>- Tolut dan tenteranya: mempunyai kekuatan tubuh badan dan ilmu pengetahuan | [4 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (vi) | **Jelaskan dua kesan memahami Sunatullah**.<br>Dua kesan Allah memahami Sunatullah ialah:<br>- Menerima ketetapan Allah s.w.t dengan positif dalam setiap tindakan<br>- Menyakini apa yang berlaku adalah mengikut ketetapan dan kehendak Allah s.w.t | [4 markah] |
| (vii) | **Terangkan dua pengajaran dari ayat di atas:**<br>Dua pengajaran dari ayat diatas ialah:<br>- Kita hendaklah mengembara di muka bumi agar dapat melihat kekuasaan Allah s.w.t<br>- Kita janganlah bersifat lemah ketika menerima dugaan agar berjaya dalam hidup<br>- Kita hendaklah menyakini kekuasaaan Allah agar menjadi hamba yang diredhaiNya. | [4 markah] |

## HADIS T4: KEMULIAAN BERDIKARI

Sabda Rasulullah SAW:

عَن أَبِى هُرَيرَةَ ﵁ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَأَن يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ
خَيْرٌ لَهُ مِن أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَو يَمْنَعَهُ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menejelaskan suruhan berdikari mencari rezeki yang halal.

| | | |
|---|---|---|
| (i) | **Nyatakan pengertian kalimah bergaris**<br><br>فَيُعْطِيَهُ - memberi kepadanya<br><br>يَمْنَعَهُ - menolaknya | [2 markah] |
| (ii) | **Jelaskan maksud berdikari**<br><br>Maksud berdikari ialah berusaha sendiri dan tidak bergantung kepada bantuan orang lain | [2 markah] |
| (iii) | **Jelaskan dua kelebihan berdikari**<br><br>Dua kelebihan berdikari ialah:<br><br>- Imej umat Islam dipandang tinggi<br>- Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal<br>- Memperkasakan daya saing masyarakat | [2 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (iv) | **Jelaskan dua konsep berdikari**<br>Dua konsep berdikari ialah:<br>- Menggunakan potensi diri seperti kekuatan tubuh badan<br>- Membebaskan diri daripada bergantung kepada orang lain<br>- Meyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas | [4 *markah*] |
| (vi) | **Terangkan dua pengajaran hadis di atas**<br>*Dua pengajaran hadis ialah:*<br>- Kita hendaklah memandang mulia pekerjaan yang halal walaupun hasilnya sedikit<br>- Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan agar hidup dirahmati Allah | [4 markah] |
| (vii) | **"Pelajar, belajar berdikari jangan malas"**<br>Petaling jaya: Tidak dinafikan ramai yang terkesan dengan kos sara hidup yang semakin tinggi 'menggila' termasuk pelajar-pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.<br>*Sumber: Kosmo 21 September 2022*<br>**Berdasarkan keratan akhbar tersebut, cadangkan tindakan yang sepatutnya pelajar tersebut lakukan.**<br>Cadangan isi:<br>- Melakukan kerja sambilan<br>- Amalan berjimat cermat<br>- Mengutamakan perkara yang lebih penting | [4 *markah*]<br>I<br>H<br>HL<br>K |
| **TAJWID : WAKAF** | | |
| (i) | **Nyatakan dua jenis wakaf**<br>Dua jenis wakaf ialah:<br>- Wakaf hasan<br>- Wakaf qabih<br>- Wakaf kafi<br>- Wakaf tam | [2 *markah*] |
| (ii) | Tandakan cara bacaan bagi tanda wakaf berikut<br><br>Cara bacaan bagi tanda waqaf berikut :<br>i) Harus waqaf atau wasal.<br>ii) Waqaf lebih baik. | [2 markah] |

| | AKIDAH T5: SYIAH | |
|---|---|---|
| (i) | **Nyatakan sejarah aliran Syiah**<br><br>Kumpulan yang menuntut supaya Saidana Ali bin Abu Talib dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW dan berkeyakinan bahawa hanya ahlil bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah. | [2 markah] |
| (ii) | **Terangkan dua prinsip Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah**<br><br>- Meyakini bahawa imam-imam adalah maksum iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan besar<br>- Menyanjung saidina Ali secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW<br>- Menambah nama Saidina Ali dalam syahadah selepas nabi Muhammad SAW | [4 markah] |
| (iii) | **Terangkan cara anda memelihara diri daripada terpengaruh dengan fahaman Syiah.**<br><br>Cara anda memelihara diri daripada terpengaruh dengan fahaman Syiah ialah:<br>- Mempelajari dan mendalami ilmu akidah supaya dapat menguatkan iman<br>- Bersahabat dengan orang soleh/berilmu supaya dapat membimbing kepada kebaikan<br>- Melakukan ketaatan dan amal soleh untuk mengukuhkan keimanan kepada Allah | [4 markah] |
| (vi) | Majlis Fatwa pada 24 dan 25 September 1984 menjelaskan pendirian Malaysia terhadap fahaman Syiah adalah sesat kerana Malaysia adalah negara yang berpegang kepada akidah ahli Sunnah wal Jamaah.<br><br>**Bincangkan implikasi jika fahaman Syiah terus berkembang di negara ini .**<br><br>*Cadangan isi :*<br><br>- Negara akan huru-hara.<br>- Ekonomi negara mundur.<br>- Mencemarkan nama negara.<br>- Akidah masyarakat terpesong | [4 *markah*]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |

| AKIDAH T4: AL MUNTAQIM | | |
|---|---|---|
| (i) | **Apakah maksud nama Allah SWT al- Muntaqim ?**<br>Maksud Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas (1m) | [2 *markah*] |
| (ii) | **Jelaskan dua kefahaman Allah SWT bersifat al-Muntaqim.**<br>Dua kefahaman nama Allah SWT al-Muntaqim ialah:<br>- Allah memberikan pembalasan dengan siksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran<br>- Allah menimpakan azab dalam peristiwa ad-Dukhan, iaitu kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau Panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka menolak dakwah Rasulullah SAW.<br>- Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamanya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan jelas. | [4 *markah*]<br>I<br>H<br>HL<br>K |
| (iii) | **Terangkan kesan beriman dengan nama Allah SWT al-Muntaqim.**<br>*Kesan beriman dengan nama Allah SWT al-Muntaqim ialah :*<br>- *Dapat mengelakkan diri daripada perbuatan maksiat kerana yakin dengan balasan Allah SWT*<br>- *Dapat meningkatkan amalan soleh kerana Allah menyayangi orang-orang yang soleh* | [4 *markah*] |
| (iv) | <br>Kejadian tsunami<br>**Kemukakan pandangan anda berkaitan situasi di atas dengan keimanan kepada Allah SWT al-Muntaqim**<br>Cadangan Isi:<br>- *Sentiasa takut/ ingat kepada azab Allah SWT.*<br>- *Sentiasa melakukan amal soleh.* | [4 *markah*]<br>I<br>H<br>HL<br>K |

| IBADAH T4: MUAMALAT DALAM ISLAM | | |
|---|---|---|
| (i) | **Apakah maksud akad dalam muamalat Islam?**<br>Maksud muamalat dalam Islam ialah Ijab dan qabul dalam urusan perniagaan dan kewangan. | [2 markah] |
| (ii) | **Nyatakan dua rukun akad dalam muamalat Islam**.<br>- Pihak yang berakad<br>- Sesuatu yang diakadkan<br>- Sighah | [2 markah] |
| (iii) | **Nyatakan contoh jenis akad yang berikut:**<br>a) Pertukaran<br>- Jual beli<br>- Sewaan<br><br>b) Kebajikan<br>- Hibah<br>- Qard<br>- Waqaf<br>- wadiah | [2 markah] |
| (iv) | **Jelaskan dua matlamat pensyariatan muamalat dalam Islam.**<br>- Menunjukkan keadilan Allah dalam mengatur urusan kehidupan manusia<br>- Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah<br>- Mendapat keredhaan Allah kerana melakukan suruhannya dan meninggalkan larangannya dalam urusan harian | [2 *markah*] |
| **IBADAH T4: SOLAT SUNAT DHUHA** | | |
| (i) | **Apakah maksud solat sunat Dhuha?**<br>Solat sunat dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuru' hingga sebelum gelincir matahari. | [2 *markah*] |
| (ii) | **Nyatakan kaifiyat menunaikan solat sunat Dhuha.**<br>- Bilangan rakaat 2, 4, 6, atau 8 rakaan<br>- Digalakan secara bersendirian<br>- Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehigga memberi salam | [2 *markah*] |
| (iii) | Abu Dzar al-Ghifari meriwayatkan dalam hadis Qudsi Allah SWT berfirman:<br>Maksudnya : Wahai anak Adam, kerjakanlah 4 rakaat permulaan siang (solat Dhuha) pasti aku cukupkan keperluan sampai ke petang. *Riwayat at Tirmizi* | [4 *markah*]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |

| | | |
|---|---|---|
| | **Bagaimanakah anda membudayakan amalan di atas dalam kehidupan?**<br><br>Cadangan isi:<br>- Menjadikan Solat Dhuha sebagai rutin harian<br>- Menggunakan aplikasi penggera atau penanda waktu solat<br>- Memulakan dengan kekuatan doa dan istiqamah<br>- Mengambil inspirasi daripada teladan Rasulullah SAW | |
| | **IBADAH T5: IDDAH** | |
| (i) | **Apakah maksud iddah?**<br><br>Maksud iddah ialah tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri (1m) selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami (1m) | [2 *markah*] |
| (ii) | **Jelaskan dua larangan semasa iddah.**<br><br>- Menerima peminangan lelaki lain secara terang atau kiasan<br>- Keluar daripada rumah yang disediakan oleh suami kecuali untuk keperluan yang dibenarkan oleh syarak<br>- Berhias diri kecuali Wanita yang dalam iddah raj'i | [2 *markah*] |
| (iii) | **Nyatakan tempoh bagi isteri yang bercerai hidup dalam situasi:**<br><br>1) Belum putus haid<br>- 3 kali suci<br><br>2) Belum pernah disetubuhi<br>- Tiada iddah | [2 *markah*] |
| (iv) | **"Aminah bekerja dalam tempoh iddah selepas kematian suaminya"**<br><br>**Huraikan hujah anda tentang situasi di atas.**<br><br>- bekerja untuk menyara hidup atau memenuhi keperluan asas seperti kewangan<br>- Keluar bekerja hanya dibenarkan jika benar-benar diperlukan | [4 *markah*]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |

| | TAMADUN T4: KERAJAAN ABBASIYAH | |
|---|---|---|
| (i) | **Nyatakan secara ringkas sejarah penubuhan kerajaan Abbasiyah.**<br><br>Sejarah penubuhan kerajaan Abbasiyah:<br><br>- Asal penubuhan: Bersempena nama bapa saudara Rasulullah saw iaitu Al Abbas bin Abd. Mutalib<br>- Pengasas :Abu Al Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali As-Safah<br>- Tempoh memerintah:524 tahun(132h-656h)<br>- Bilangan Khalifah: 37 orang<br>- Pusat pemerintahan :Baghdad,Iraq | [2 *markah*] |
| (ii) | ***Jelaskan dua sumbangan khalifah Harun al-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi dalam membangunkan kerajaan Abbasiyah.***<br><br>Dua sumbangan khalifah Harun Ar Rasyid bin Muhammad al-Mahdi dalam membangunkan kerajaan Abbasiyah:<br><br>- Memperkasa sistem percukaian Islam berpandukan Kitab Al Kharaj.<br>- Mewujudkan jawatan ketua hakim negara (Qadi Al Quddah)<br>- Membina Baitul Hikmah (perpustakaan agung)<br>- Menjadikan Baghdad sebagai pusat tumpuan perdagangan,keilmuan dan kebudayaan. | [4 *markah*] |
| (iii) | Abu Jaafar al-Mansur merupakan khalifah kedua kerajaan Abbasiyyah.<br>**Jelaskan dua sumbangan beliau.**<br><br>Dua sumbangan beliau ialah:<br>- Memindahkan pusat pentadbiran dari Damsyik ke Baghdad.<br>- Menaik taraf sistem cukai.<br>- Membina sistem pengairan dan saliran. | [4 *markah*] |
| (iv) | **Terangkan dua faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyyah dari aspek sosial.**<br><br>Dua faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah dari aspek sosial: | [4 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| | - Layanan yang adil daripada khalifah dengan menghapuskan penindasan dan perhambaan.<br>- Kebebasan mengamalkan agama bagi mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat.<br>- Orang bukan Arab khususnya orang Parsi diberikan peluang memegang jawatan utama dalam pentadbiran negara seperti jawatan Perdana Menteri. | |
| (v) | **Terangkan dua faktor kemerosotan kerajaan Abbasiyah dari aspek sosial.**<br>Dua faktor kemerosotan Kerajaan Abbasiyah dalam aspek sosial:<br>- Kebajikan rakyat terabai kerana kelemahan pentadbiran khalifah.<br>- Pemberontakan dalam kalangan puak Syiah dan Khawarij sehingga menggangu ketenteraan awam. | [4 *markah*] |
| (vi) | *Perebutan kuasa dan perang saudara merupakan antara punca kejatuhan kerajaan-kerajaan besar di dunia.*<br>**Berikan pandangan anda kesan daripada fenomena tersebut kepada negara.**<br>**<u>Cadangan Isi:</u>**<br>- Politik negara menjadi kucar-kacir.<br>- Ekonomi negara mundur.<br>- Negara dipandang rendah.<br>- Kehidupan rakyat sengsara dan susah. | [4 *markah*]<br>I<br>H<br>HL<br>K |
| **TOKOH T5: PROF. AHMAD BIN IBRAHIM** | | |
| (i) | **Lengkapkan jadual di bawah berkaitan riwayat hidup Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad bin Ibrahim.** | [4 *markah*] |

| | |
|---|---|
| 1. Nama Penuh | Ahmad bin Muhammad Ibrahim |
| 2. Tarikh lahir | 15 Mei 1916 |
| 3. Tarikh meninggal | 17 April 1999 |
| 4. Gelaran | Profesor Emeritus Tan Sri Doktor |

| | | |
|---|---|---|
| (ii) | Nyatakan dua ketinggian akhlak Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad bin Ibrahim yang wajar dicontohi.<br><br>Dua ketinggian akhlak Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad bin Ibrahim yang wajar dicontohi ialah:<br>- Beliau suka menyebarkan ilmu.<br>- Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan. | [2 *markah*] |
| (iii) | **Nyatakan dua karya Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad bin Ibrahim.**<br><br>Dua karya Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad bin Ibrahim.<br>- Undang-undang keluarga Islam di Malaysia dan Family Law in Malaysia.<br>- Pelopor Jurnal Hukum.<br>- Islamic Law in Malaysia. | [2 *markah*] |
| (iv) | **Nyatakan dua institusi pendidikan Prof Dr Ahmad bin Ibrahim.**<br><br>Dua institusi pendidikan Prof Dr Ahmad bin Ibrahim:<br>- Victoria Bridge School, Singapura.<br>- Raffles Institution, Singapura.<br>- Raffles College, Singapura.<br>- University of Cambridge. | [2 *markah*] |
| (v) | **Jelaskan dua sumbangan Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad bin Ibrahim dalam bidang perundangan di Malaysia.**<br>Dua sumbangan Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad bin Ibrahim dalam bidang perundangan di Malaysia ialah:<br><br>- Anggota panel pengasas kuliah undang2 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia<br>- Pengasas dan penggubal enakmen undang-undang Islam (hudud dan qisas) Kelantan pada tahun 1991 | [4 *markah*] |
| (vi) | **Huraikan dua iktibar yang boleh diambil daripada ketokohan Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad bin Ibrahim.**<br><br>Dua iktibar yang boleh diambil daripada ketokohan Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad bin Ibrahim ialah:<br><br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan beliau dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa, dan negara. | [4 *markah*] |

| ADAB T4: WASATIYAYAH MENJAMIN KECEMERLANGAN HIDUP | | |
|---|---|---|
| (i) | **Nyatakan maksud wasatiah.**<br><br>Maksud wasatiah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang (1m) dalam setiap tindakan (1m) | [2 markah] |
| (ii) | **Senaraikan dua prinsip wasatiyah**<br>Dua prinsip wasatiah ialah<br>- Kesederhanaan<br>- Keseimbangan<br>- Keadilan<br>- Kecemerlangan | [2 markah] |
| (iii) | **Jelaskan dua aspek keadilan dalam prinsip wasatiyah**<br>Dua aspek keadilan dalam prinsip wasatiyah ialah:<br>- Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya<br>- Mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang secara hikmah antara dua perkara yang ekstrim. | [4 markah] |
| (iv) | **Jelaskan dua aspek kesederhanaan dalam wasatiyah**<br>Dua aspek kesederhanaan dalam wasatiyah ialah:<br>- Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh bertanggungjawab<br>- Menunaikan tugas sebagai hamba Allah dan khalifah dimuka bumi. | [4 markah] |
| (iv) | **Jelaskan hikmah melaksanakan prinsip wasatiyah**<br>Hikmah melaksanakan prinsip wasatiah:<br>- Syiar Islam dapat ditegakkan<br>- Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan<br>- Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana | [2 markah] |
| (v) | Keseimbangan ialah memenuhi keperluan rohani, jasmani, dan akal secara sempurna dalam semua keadaan<br><br>**Huraikan peranan prinsip keseimbangan dalam melahirkan Muslim yang memperoleh kebaikan di dunia dan di akhirat.**<br><u>Cadangan isi :</u><br>- Melaksanakan ibadah fardu dan sunat dengan istiqamah<br>- Menghayati al Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh | [4 markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |

| ADAB T5: ISTIQAMAH MENUJU MUJAHADAH | | |
|---|---|---|
| (i) | **Apakah maksud istiqamah?**<br><br>Maksud istiqamah ialah ketaatan yang berterusan (1m) dalam melaksanakan surahan Allah SWT dan menjauhi laranganNya (1m) | [2 *markah*] |
| (ii) | **Terangkan dua cara anda memiliki sifat istiqamah**<br>Dua cara memiliki sifat istiqamah<br>- Sentiasa berkawan dengan rakan yang berdisiplin dalam melakukan kebaikan.<br>- Sentiasa mempelajari ilmu dengan istiqamah supaya menjadi amalan dalam kehidupan.<br>- Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah agar dapat melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan laranganNya secara berterusan. | [4 *markah*] |
| (iii) | **Jelaskan hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan.**<br>Hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan ialah:<br>- Membentuk insan yang teguh pendirian dalam mempertahankan kebenaran.<br>- Memupuk sikap sanggup berkorban harta dan nyawa demi mempertahankan Islam. | [2 *markah*] |
| (iv) | **Terangkan contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.**<br><u>Istiqamah dalam ibadah:</u><br>- Rasulullah tidak jemu memohon keampunan Allah walaupun baginda seorang yang maksum.<br>- Rasulullah beristighfar dan bertaubat kepada Allah lebih dari 70 kali setiap hari.<br><br><u>Istiqamah dalam Dakwah</u><br>- Rasulullah SAW tetap berdakwah menyebarkan agama Islam walaupun menghadapi pelbagai kesusahan dan ancaman.<br>- Rasulullah SAW bertegas tidak akan meninggalkan usaha dakwah walaupun digantikan dengan kesenangan dunia | [4 markah] |

## SET 2

| TILAWAH T5: KEPELBAGAIAN BANGSA | | |
|---|---|---|
| Firman Allah SWT:<br><br>يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ<br>أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ     سورة الحجرات اية : 13<br><br>Ayat di atas menerangkan tentang kepelbagaian bangsa dalam Islam.<br>Berdasarkan ayat di atas, | | |
| (i) | **Nyatakan maksud kalimah bergaris.**<br>Maksud kalimah bergaris ialah:<br>i) Untuk saling kenal-mengenali<br>ii) Bertakwa | [*2 markah*] |
| (ii) | **Nyatakan sebab turun ayat.**<br>Sebab turun ayat diatas ialah:<br>- Selepas pembukaan kota Mekah Rasulullah s.a.w meminta Bilal bin Rabah melaungkan azan<br>- Para sahabat memandang rendah kepada Bilal bin Rabah<br>- Malaikat Jibri memberitahu Rasulullahperkara tersebut.<br>- Maka turunlah ayat surah Al-Hujurat ayat 13 | [2 markah] |
| (iii) | **Nyatakan dua tuntutan yang terdapat dalam ayat.**<br>- Dua tuntutan yang terdapat dalam ayat ialah:<br>- Saling kenal-mengenali antara pelbagai bangsa<br>- Sentiasa bertakwa kepada Allah s.w.t | [2 markah] |
| (iv) | **Nyatakan maksud takwa.**<br>Maksud takwa ialah takut kepada Allah s.w.t (1m) dengan melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan larangannya (1m) | [2 *markah*] |
| (v) | **Jelaskan dua keutamaan takwa dalam Islam.**<br>- Dua keutamaan takwa dalam Islam ialah:<br>- Manusia adalah sama disisi Allah s.w.t yang berbeza adalah takwa.<br>- Allah s.w.t tidak melihat jantina atau bangsa,tetapi Allah melihat hati dan amalan manusia. | [4 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| (vi) | **Jelaskan dua tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa.**<br><br>- Dua tuntutan saling mengenali ialah:<br>- Menjalinkan perpaduan harmoni antara kaum<br>- Menjalin hubungan dengan orang bukan Islam<br>- Menggalakkan kerjasama antara satu sama lain. | [4 *markah*] |
| (vii) | **Terangkan dua pengajaran dari ayat di atas.**<br><br>Dua pengajaran dari ayat di atas ialah:<br>- Kita hendaklah bertakwa kepada Allah agar menjadi hamba yang soleh<br>- Kita hendaklah saling mengenali antara satu sama lain agar dapat eratkan hubungan silaturrahim<br>- Kita hendaklah saling bersatu padu agar dapat memajukan negara. | [4 markah] |
| (viii) | *Kepelbagaian bangsa membina peluang bagi mengukuhkan kehidupan yang harmoni dalam masyarakat majmuk di Malaysia.*<br><br>**Kemukakan hujah anda bagi menyokong penyataan di atas**.<br><br>Cadangan isi:<br>- Melalui sikap saling mengenali antara satu sama lain<br>- Saling bekerjasama dalam kalangan masyarakat majmuk<br>- Saling bertegur sapa antara satu sama lain<br>- Bersikap toleransi dalam kalangan masyarakat | [4 markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |

**HADIS T5: SETIAP ORANG IALAH PEMIMPIN**

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْؤُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ – وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan setiap orang adalah pemimpin.
Berdasarkan hadis di atas,

| | | |
|---|---|---|
| (i) | **Nyatakan dua individu tersebut selain pekerja**<br><br>Dua individu selain pekerja ialah:<br>- Pemimpin | [2 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| | - Suami<br>- Isteri<br>- Anak | |
| (ii) | **Jelaskan dua tanggungjawab seorang pekerja kepada majikannya**<br><br>Dua tanggungjawab seorang pekerja kepada majikannya ialah:<br>- Sentiasa mengikut arahan ketua<br>- Sentiasa bekerja dengan penuh integriti<br>- Sentiasa melaksanakan tugas dengan sempurna | [4 markah] |
| (iii) | **Terangkan dua pengajaran dari hadis di atas**<br><br>Dua pengajaran hadis ialah:<br>- Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpin agar berlaku adil dan saksama<br>- Kita hendaklah mencontohi sunnah Rasulullah SAW dalam segala aspek kepimpinan kerana baginda ialah contoh ikutan yang terbaik | [4 markah] |
| (iv) | **"BEKERJA SEBAGAI IBADAH"**<br><br>**Huraikan pandangan anda tentang kesan jika mengamalkan penyataan di atas dalam kehidupan.**<br><br>Cadangan isi:<br>- Bekerja dengan lebih efektif<br>- Menepati masa dalam bekerja<br>- Menghasilkan kerja dengan lebih produktif | [4markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |
| **TAJWID: IBTIDA'** | | |
| (c) | **Nyatakan dua bahagian/ jenis Ibtida'**<br><br>Dua bahagian/ jenis ibtida'<br>- Ibtida' Hasan<br>- Ibtida' Qabih | [2 markah] |
| **AKIDAH T5: KHAWARIJ** | | |
| (i) | **Nyatakan sejarah ringkas kemunculan Khawarij**<br><br>*Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib r.a yang berpaling tadah (1m) kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim (1m).* | [2 *markah*] |

<table>
<tr><td>(ii)</td><td>Jelaskan dua prinsip Khawarij yang bertentangan dengan Ahli Sunnah wal Jamaah<br>Dua prinsip Khawarij ialah:<br>- Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil<br>- Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir</td><td>[4 markah]</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Terangkan perbezaan aliran Khawarij dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dalam isu berikut:<br>(1) Pelaku dosa besar<br>(2) Kedudukan iman<br>
<table>
<tr><th>ISU</th><th>AHLI SUNNAH WAL JAMAAH</th><th>KHAWARIJ</th></tr>
<tr><td>1) Pelaku dosa besar</td><td>Pelaku dosa besar masih dikira mukmin, bukan kafir. Namun dihukum fasik jika tidak bertaubat.</td><td>Pelaku dosa besar dianggap dosa besar dan kafir.</td></tr>
<tr><td>2) Kedudukan iman</td><td>Meyakini bahawa iman boleh bertambah dan berkurang</td><td>Iman tidak boleh bertambah dan berkurang, sebaliknya iman ada apabila</td></tr>
</table></td><td>[4 markah]</td></tr>
<tr><td>(iv)</td><td>‘Khawarij merupakan fahaman yang menyeleweng dari akidah Ahli Sunnah wal Jamaah’<br>Pada pandangan anda, mengapakah perkara ini berlaku?<br><u>Cadangan isi :</u><br>- Keimanan yang lemah<br>- Mudah terpengaruh dengan fahaman yang salah<br>- Kurang penghayatan agama</td><td>[4markah]<br>I<br>H<br>HL<br>K</td></tr>
<tr><th colspan="3">AKIDAH T4: AJARAN SESAT</th></tr>
<tr><td>(i)</td><td>Nyatakan maksud ajaran sesat<br>Maksud ajaran sesat ialah ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam (1m) sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al Sunnah (1m)</td><td>[2 markah]</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| (ii) | **Senaraikan dua contoh ajaran sesat**<br>Dua contoh ajaran sesat:-<br>- Kerajaan Langit / Ayah Pin<br>- Taslim<br>- Bahai | [2 markah] |
| (iii) | **Jelaskan ciri ajaran sesat dari aspek ibadah**<br>Ciri ajaran sesat dari aspek ibadah:-<br>- Menolak kewajipan ibadat fardu<br>- Mengahalalkan perzinaan atas nama nikah | [4 markah] |
| (iv) | **Jelaskan dua ciri ajaran sesat dari aspek akidah.**<br>Dua cara menjauhi ajaran sesat dari aspek akidah ialah:<br>- Mengaku menjadi nabi atau rasul<br>- Mendakwa diri atau gurunya sebagai imam al-Mahdi | [4 markah] |
| (v) | **Terangkan dua cara menjauhi ajaran sesat dari aspek ilmu dan amal**<br>Dua cara menjauhi ajaran sesat dari aspek ilmu dan amal ialah:<br>- Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj ahli sunnah wal jamaah<br>- Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al Quran dan as Sunnah | [4 markah] |
| | **IBADAH T4: SOLAT SUNAT ISTIKHARAH** | |
| (i) | **Apakah maksud solat sunat Istikharah?**<br>Maksud solat sunat Istikharah ialah solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah (1m) dalam menentukan pemilihan bagi sesuatu perkara (1m) | [2 *markah*] |
| (ii) | **Jelaskan kaifiyat menunaikan solat sunat Istikharah.**<br>- Bilangan rakaat ialah sebanyak 2 rakaat<br>- Cara perlaksanaan secara bersendirian<br>- Menyempurnakan rukun-rukun lain sehingga memberi salam<br>- Berdoa dengan doa-doa yang sesuai | [4 *markah*] |
| (iii) | Umat Islam disuruh mengerjakan solat sunat Istikharah bagi menyelesaikan jalan buntu dalam membuat suatu pilihan atau keputusan. | [4 *markah*]<br>I<br>H<br>HL<br>K |

| | | |
|---|---|---|
| | **Pada pandangan anda, mengapa solat sunat Istikharah digalakkan dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Kemukakan hujah anda.**<br><br>Cadangan isi:<br>- Mendapat petunjuk daripada Allah<br>- Mengatasi kebimbangan dan keraguan<br>- Menambah kekuatan rohani<br>- Menjadikan Allah sebagai tempat kebergantungan | |
| | **IBADAH T5: FARAID** | |
| (i) | **Apakah maksud faraid?**<br><br>Maksud faraid ialah pembahagian harta seorang Islam yang telah meninggal dunia (1m) kepada anggota warisnya menurut hukum syarak. (1m) | [2 markah] |
| (ii) | **Jelaskan dua syarat sah waris dalam faraid.**<br>- Kematiannya telah disahkan.<br>- Waris masih hidup<br>- Mengetahui status hubungan dengan si mati<br>- Harta yang dimiliki oleh si mati. | [2 markah] |
| (iii) | **Jelaskan dua hikmah disyariatkan faraid.**<br>- Mengelakan berlaku pertelingkahan dalam pembahagian harta yang menjejaskan kebahagiaan dalam keluarga<br>- Menjamin kelangsungan hidup waris selepas kematian orang yang mewarisi harta<br>- Mengekalkan kasih sayang dalam kalangan anggota keluarga | [4 markah] |
| (iv) | *Pengurusan harta pusaka dalam kalangan umat Islam merupakan suatu prosedur yang perlu difahami oleh semua pihak, khasnya masyarakat Islam sendiri.*<br><br>*Sering kali kita dengar pertikaian akibat permasalahan harta pusaka hingga membawa kepada konflik perebutan harta, pertikaian yang berlanjutan dan memerlukan penyelesaian mahkamah, permusuhan keluarga malah yang lebih parah sekiranya melibatkan kes jenayah ugutan, ancaman nyawa dan pembunuhan*<br><br>**Cadangkan langkah berkesan untuk menangani masalah di atas.**<br><br>Cadangan isi:<br>- meningkatkan kesedaran masyarakat Islam tentang kepentingan memahami undang-undang faraid<br>- Kursus atau seminar mengenai pembahagian harta mengikut Islam perlu diperbanyakkan | [4 markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |

| TAMADUN T4: KERAJAAN UMAIYYAH | | |
|---|---|---|
| (i) | **Kerajaan Umaiyah adalah salah satu kerajaan Islam yang terkenal.**<br><br>Sejarah ringkas kerajaan Umaiyah.<br>- Pengasas: Muawiyah bin Abi Sufian<br>- Tempoh pemerintahan: Tahun 41Hijrah hingga 132 Hijrah<br>- Bilangan Khalifah: 14 orang<br>- Pusat Pemerintahan: Damsyik, Syria. | [2 markah] |
| (ii) | **Senaraikan dua orang khalifah yang terkenal dalam Kerajaan Umaiyah selain khalifah Umar bin Abdul Aziz.**<br><br>Dua orang khalifah yang terkenal dalam Kerajaan Umaiyah selain khalifah Umar bin Abdul Aziz ialah:<br>- Muawiyah bin Abi Sufian<br>- Abdul Malik bin Marwan<br>- Al-Walid bin Abd Malik | [2 markah] |
| (iii) | **Nyatakan fakta sejarah Kerajaan Umaiyah daripada aspek berikut:**<br><br>i.**Pengasas**<br>- Muawiyah bin Abi Sufian<br><br>ii.**Pusat Pemerintahan**<br>-Damsyik, Syria. | [2 markah] |
| (iv) | **Jelaskan dua sumbangan Khalifah Umar bin Abdul Aziz**<br><br>Dua sumbangan Khalifah Umar bin Abdul Aziz ialah:<br>- Membina pusat transit untuk para pedagang.<br>- Menaik taraf infrastruktur untuk kemudahan rakyat seperti hospital, jalan raya dan pengangkutan awam. | [4 markah] |
| (v) | **Terangkan dua faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dari aspek pendidikan.**<br><br>Dua faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dari aspek Pendidikan:<br>- Menjadikan masjid dan istana khalifah sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan.<br>- Galakan daripada khalifah Abd Malik bin Marwan dan Umar bin Abd Aziz agar rakyat menguasai pelbagai bidang ilmu. | [4 markah] |
| (vii) | **Terangkan dua faktor kemerosotan kerajaan Umaiyah dari aspek politik**.<br><br>Dua faktor kemerosotan kerajaan Umaiyah dari aspek politik ialah:<br>- Sistem lantikan khalifah secara monarki menimbulkan perebutan kuasa dan persaingan dalam kalangan anggota keluarga.<br>- Pemberontakan puak syiah dan khawarij serta pihak yang tidak berpuas hati dengan penubuhan Kerajaan Umaiyah. | [4 markah] |

<table>
<tr><td>(viii)</td><td>Terangkan dua iktibar yang diperoleh daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah.<br><br>Dua iktibar yang diperoleh daripada pemerintahan Kerajaan Umaiyah ialah:<br>- Kita hendaklah mencontohi sifat-sifat yang ada pada khalifah Islam seperti zuhud, berilmu dan bijaksana.<br>- Kita hendaklah mengutamakan Al-Quran dan As-Sunnah dalam kepimpinan agar syariat Islam dapat ditegakkan.<br>- Kita hendaklah mencontohi dan mempraktikkan ciri-ciri kepimpinan Islam dalam pentadbiran agar menjadi contoh ikutan terbaik</td><td>[4 markah]</td></tr>
<tr><td>(x)</td><td>Kerajaan Umaiyah merupakan antara kerajaan Islam yang berjaya membawa banyak pembaharuan dalam sistem pentadbirannya<br><br>Berikan hujah anda, bagaimanakah sesebuah organisasi dapat diurus dengan baik bagi mencapai matlamat yang disarankan?<br><br><u>Cadangan Isi</u><br><br>- Kebijaksanaan ketua/ pemimpin.<br>- Kepatuhan rakyat terhadap pemimpin yang baik.<br>- Bijak mengatur strategi untuk mencapai matlamat.</td><td>[4markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K</td></tr>
<tr><td colspan="3">TOKOH T5: SALAHUDIN AL-AYYUBI</td></tr>
<tr><td>(i)</td><td>Nyatakan riwayat hidup Salahuddin Al-Ayubbi secara ringkas.<br><br>Riwayat hidup Salahuddin Al-Ayubbi secara ringkas.<br>- Nama penuh : Yusof bin Ayob bin Syazi.<br>- Tarikh lahir : 532 Hijrah.<br>- Tarikh meninggal : 589 Hijrah.<br>- Jawatan : Pemerintah Kerajaan Ayubiah.</td><td>[2 markah]</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Jelaskan dua sumbangan Salahuddin al-Ayyubi dalam menegakkan syiar Islam.<br><br>Ketenteraan:<br>-Membebaskan Baitulmaqdis daripada penguasaan tentera salib.<br><br>Pendidikan:<br>- Mengembalikan semula pegangan ahli Sunnah wal jamaah dalam sistem pendidikan.<br><br>Pentadbiran:<br>-Mengubah sebuah dewan di istana menjadi sebuah hospital.<br>-Menyediakan gudang ubatan bagi membolehkan ubat diagihkan kepada pesakit mengikut gred.</td><td>[4 markah]</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| (iii) | **Terangkan dua iktibar daripada keunggulan tokoh**.<br><br>Dua iktibar daripada keunggulan tokoh.<br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntul ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu pengetahuan.<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.<br>- Kita hendaklah bersifat cekal dalam menyebarkan dakwah islamiah agar masyarakat memahami Islam yang sebenar. | [4 *markah*] |
| **ADAB T4: ADAB TERHADAP ORANG SAKIT** | | |
| (i) | **Nyatakan dua adab terhadap orang sakit.**<br><br>Dua adab terhadap orang sakit:<br>- Mendoakan kesihatan mereka.<br>- Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan<br>- reda.<br>- Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih. | [2 markah] |
| (ii) | **Jelaskan dua hikmah beradab terhadap orang sakit.**<br><br>*Dua hikmah beradab dengan orang sakit:*<br>- Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian.<br>- Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati Allah.<br>- Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit. | [4 markah] |
| **ADAB T4: ADAB TERHADAP ORANG KURANG UPAYA** | | |
| (i) | **Nyatakan dua adab terhadap orang kurang upaya.**<br><br>Dua adab terhadap orang kurang upaya<br>- menyediakan kemudahan kepada mereka untuk melakukan ibadat dengan selesa<br>- tidak mengejek dan menghina mereka<br>- memastikan kemudahan asas yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan | [2 markah] |
| (ii) | **Terangkan dua hikmah beradab terhadap orang kurang upaya.**<br>**Dua hikmah beradab terhadap orang kurang upaya.**<br><br>- Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya kerana mendapat perhatian dan keistimewaan.<br>- Melahirkan rasa syukur kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna.<br>- memudahkan orang kurang upaya melakukan urusan harian agar kerja lebih sempurna | [4 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (iii) | <br><br>**Pada pandangan anda mengapakah masih terdapat masyarakat yang menggunakan parkir OKU tanpa rasa bersalah**<br><br><u>Cadangan isi :</u><br>- Sifat suka mementingkan diri sendiri<br>- Tidak sensitif terhadap kemudahan OKU | [4markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |
| **ADAB T5: ALAM SEKITAR PENENANG JIWA** | | |
| (i) | **Nyatakan maksud alam sekitar**<br><br>Maksud alam sekitar ialah benda hidup dan bukan hidup (1m) yang ada di sekeliling manusia (1m) | [2 markah] |
| (ii) | **Jelaskan dua adab menjaga alam sekitar**<br><br>Dua adab menjaga alam sekitar<br><br>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.<br>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan kerosakan<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar. | [4 markah] |
| (iii) | **Terangkan dua hikmah menjaga alam sekitar**<br><br>Dua hikmah menjaga alam sekitar<br><br>- Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan.<br>- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa kerana melihat keindahan alam<br>- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar. | [4 markah] |

<table>
<tr>
<td>(iv)</td>
<td> <br>Ramalkan kesan kepada generasi akan datang sekiranya perkara di atas terus berleluasa.<br><u>Cadangan isi:</u><br>- Kepupusan flora dan fauna<br>- Pencemaran terus berleluasa<br>- Generasi akan datang tidak kenal binatang yang telah pupus<br>- Habitat terancam</td>
<td>[4markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K</td>
</tr>
</table>

**SET 3**

| TILAWAH T4: LARANGAN PERBUATAN PERSENDAKAN AGAMA | | |
|---|---|---|
| **Firman Allah s.w.t**<br>وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَعِبٗا وَلَهۡوٗا وَغَرَّتۡهُمُ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَاۚ وَذَكِّرۡ بِهِۦٓ أَن تُبۡسَلَ نَفۡسُۢ بِمَا<br>كَسَبَتۡ لَيۡسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيّٞ وَلَا شَفِيعٞ وَإِن تَعۡدِلۡ كُلَّ عَدۡلٖ لَّا يُؤۡخَذۡ مِنۡهَآۗ أُوْلَٰٓئِكَ<br>ٱلَّذِينَ أُبۡسِلُواْ بِمَا كَسَبُواْۖ لَهُمۡ شَرَابٞ مِّنۡ حَمِيمٖ وَعَذَابٌ أَلِيمُۢ بِمَا كَانُواْ يَكۡفُرُونَ ٧٠<br>(Surah al-Anam : 70)<br><br>Ayat diatas menerangkan tentang larangan persendakan agama.<br>Berdasarkan ayat di atas, | | |
| (i) | **Nyatakan dua bentuk perbuatan persendakan agama.**<br>Dua bentuk perbuatan persendakan agama ialah:<br>- Berasa bangga mempersendakan nama Allah s.w.t<br>- Berasa bangga melakukan maksiat<br>- Menghina dan mengejek sunnah Rasullah s.a.w<br>- Menghina golongan ulamak | [2 markah] |
| (ii) | **Jelaskan dua cara menjaga kesucian Islam.**<br>Dua cara menjaga kesucian agama ialah:<br>- Bersahabat dengan orang soleh<br>- Memperkasakan program keilmuan/mendalami ilmu agama<br>- Meningkatkan kualiti ibadahfardu dan sunat<br>- Mencontohi akhlak rasulullah s.a.w | [4 markah] |
| (iii) | **Jelaskan dua balasan perbuatan persendakan agama berdasarkan ayat diatas.**<br>Dua balasan perbuatan persendakan agama ialah:<br>- Diberikan azab yang pedih di hari akhirat<br>- Diberi minum air panas menggelegak | [4 markah] |
| (iv) | **Jelaskan dua kesan terhadap mereka yang melakukan perbuatan persendakan agama.**<br>Dua kesan terhadap mereka yang melakukan perbuatan persendakan agama ialah:<br>- Tidak mendapat kejayaaan didunia dan akhirat<br>- Tidak dipandang Allah s.w.t.diakhirat<br>- Boleh membatalkan iman seseorang | [4 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (v) | **Terangkan dua pengajaran dari ayat diatas**:<br><br>Dua pengajaran dari ayat di atas ialah:<br>- Kita hendaklah menjauhi perbuatan mempersendakan agama agar hidup diredhai Allah s.w.t<br>- Kita hendaklah menjaga kesucian agama agar agama Islam dipandang tinggi<br>- KIta hendaklah mendalami ilmu agama agar dapat menjaga kesucian agama Islam | [4 markah] |

## HADIS T4: TUJUH GOLONGAN MENDAPAT NAUNGAN ALLAH

Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ : سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ، فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ، الإِمَامُ
الْعَادِلُ، وَشَابٌ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِي اللهِ، اجْتَمَعَا
عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ، وَجَمَالٍ، فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ
أَخْفَى، حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللهَ خَالِيًا، فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

Hadis di atas menjelaskan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT
Berdasarkan hadis di atas,

| | | |
|---|---|---|
| (i) | **Nyatakan maksud naungan Allah**<br><br>Maksud naungan Allah ialah perlindungan daripada kepanasan cahaya matahari (1m) di Padang Mahsyar.(1m) | [2 markah] |
| (ii) | **Senaraikan dua golongan tersebut selain golongan yang menyembunyikan sedekah.**<br><br>Dua golongan tersebut selain golongan yang menyembunyikan sedekah ialah:<br>- Pemimpin yang adil.<br>- Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT.<br>- Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.<br>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>- Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.<br>- Seseorang yang mengasihi Allah SWT sehingga menitiskan air mata. | [2 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (iii) | **Jelaskan dua contoh perbuatan menyembunyikan sedekah.**<br><br>Dua contoh perbuatan menyembunyikan sedekah:<br>- Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian.<br>- Mewaqafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid | [2 markah] |
| (iv) | **Terangkan dua kebaikan menyembunyikan sedekah terhadap individu.**<br><br>Dua kebaikan menyembunyikan sedekah terhadap individu:<br>- Jiwa lebih tenang kerana ikhlas melakukan amalan.<br>- Terhindar daripada sifat riak' yang boleh menghapuskan pahala amalan.<br>- Membudayakan sikap merendah diri demi kepentingan Islam.<br>- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah kerana sentiasa bersyukur. | [4 markah] |
| (v) | **Terangkan dua pengajaran daripada hadis di atas**.<br><br>Dua pengajaran daripada hadis.<br>- Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan kerana sikap tersebut merupakan suruhan Nya.<br>- Kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan masjid agar syiar Islam dapat ditegakkan.<br>- Kita hendaklah saling mengasihi supaya masyarakat hidup aman damai. | [4 markah] |
| (vi) | <br><br>**Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mengaplikasikan amalan di atas dalam kehidupan seharian.**<br><br>Cadangan isi:<br>- Melazimi sedekah setiap hari walaupun sedikit<br>- Menghayati kelebihan sedekah | [4markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |

<table>
<tr><th colspan="3">TAJWID: MAD LAZIM</th></tr>
<tr><td>(i)</td><td>Nyatakan dua jenis Mad Lazim<br>Dua jenis Mad Lazim Kalimi ialah:<br>- Mad Lazim Kalimi<br>- Mad Lazim Harfi</td><td>[2 markah]</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Nyatakan hukum Mad Lazim Kalimi bagi perkataan di bawah<br><br>(i) ءَآلْـَٔـٰنَ<br>(ii) وَلَا ٱلضَّآلِّينَ<br>Hukum mad lazim kalimi bagi perkataan bergaris di bawah:<br>(i) Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf.<br>(ii) Mad Lazim Kalimi Musaqqal</td><td>[2 markah]</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah di bawah:<br>(1) الٓمٓ ۝١<br>(2) يسٓ ۝١<br>Hukum tajwid bagi kalimah :<br>(1) Mad Lazim Harfi Muthaqqal<br>(2) Mad Lazim Harfi Mukhaffaf</td><td>[2 markah]</td></tr>
<tr><th colspan="3">AKIDAH T5: ASWJ</th></tr>
<tr><td>(i)</td><td>Nyatakan dua nama lain bagi Ahli Sunnah wal Jamaah<br>Dua nama lain bagi Ahli Sunnah wal Jamaah ialah<br>- Ahlu al-Hadis.<br>- Al-Salaf al-Soleh.<br>- Al-Asya’irah.<br>- Al-Maturidiah.</td><td>[2 markah]</td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td>(ii)</td>
<td>Jelaskan dua perbezaan pandangan Ahli Sunnah wal Jamaah dengan muktazilah berkaitan isu berikut:<br>1. Adakah al-Quran makhluk?<br>2. Kedudukan iman
<table>
<tr><th>ISU</th><th>AHLI SUNNAH WAL JAMAAH</th><th>MUKTAZILAH</th></tr>
<tr><td>Adakah al-Quran makhluk?</td><td>Meyakini al-Quran adalah kalam Allah SWT yang bersifat Qadim [sedia ada].</td><td>-Quran adalah makhluk yang bersifat hadith [baharu].</td></tr>
<tr><td>Kedudukan iman</td><td>Mempercayai bahawa iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan.</td><td>Iman tidak boleh bertambah dan berkurang.<br>Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran.</td></tr>
</table>
</td>
<td>[4 markah]</td>
</tr>
<tr>
<td>(iii)</td>
<td>Terangkan dua kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.<br><br>Dua kepentingan berpegang dengan akidah AhliSunnah wal Jamaah ialah:<br>- Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan kerana berteraskan ajaran yang benar.<br>- Mendapat keredaan Allah kerana berpegang teguh dengan kebenaran Islam.<br>- Mengelak umat islam terjebak dengan ajaran sesat yang akan dimurkai oleh Allah SWT</td>
<td>[4 markah]</td>
</tr>
<tr>
<td>(iv)</td>
<td>

Pada pendapat anda, apakah kebaikan berpegang teguh dengan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah. Huraikan.<br><br><u>Cadangan isi:</u><br>- Mendapat keredhaan Allah.<br>- Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan.<br>- Memelihara kesucian agama<br>- Islam.<br>- Membersihkan akidah dari sebarang kekeliruan.</td>
<td>[4markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K</td>
</tr>
</table>

| AKIDAH T4: AL JABBAR | | |
|---|---|---|
| (i) | **Apakah maksud al-Jabbar ?**<br><br>Maksud al-Jabbar ialah nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendaknya. | [2 markah] |
| (ii) | **Jelaskan dua kefahaman berkaitan nama Allah SWT al-Jabbar**<br><br>Dua kefahaman berkaitan nama Allah SWT al-Jabbar<br>- Allah SWT memiliki dan mengusai seluruh alam<br>- Allah tidak boleh dipersoalkan perbuatannya. | [4 markah] |
| (iii) | Keimanan kepada Al Jabbar melahirkan rasa gerun untuk melakukan maksiat kepada Allah swt.<br><br>**Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.**<br><br>Cadangan isi :<br>- Sentiasa taat perintah Allah<br>- Sentiasa bersifat rendah diri<br>- Tidak sombong dalam kehidupan | [4 markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |
| **IBADAH T4: SEMBELIHAN** | | |
| (i) | **Apakah maksud sembelihan?**<br><br>Maksud sembelihan ialah menyembelih Binatang yang halal dimakan dagingnya (1m) dengan cara memutuskan urat halkum dan urat merih (1m) | [2 markah] |
| (ii) | **Jelaskan hikmah sembelihan dari sudut syarak dan sains.**<br><br>Hikmah sembelihan dari sudut syarak dan sains ialah:<br>- menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang<br>- dapat membezakan daging yang halal dan haram | [2 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (iii) | <br>Ayam sembelih<br>tak putus urat<br>Peniaga terkejut halkum, urat marih binatang tidak dipotong sempurna<br><br>**Berdasarkan petikan akhbar di atas, kemukakan hujah anda untuk menangani masalah di atas.**<br><br>Cadangan isi:<br>- Pendidikan dan latihan yang lebih mendalam kepada penyembelih.<br>- Kesedaran masyarakat tentang sembelihan menurut syarak<br>- Pemantauan daripada pihak berwajib | [4 markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |
| | **IBADAH T5: JENAYAH DALAM ISLAM** | |
| (i) | **Apakah maksud qisas?**<br><br>Maksud qisas ialah hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya (1m) secara balasan yang sama seperti dalam al-Quran dan al-Sunnah (1m) | [2 markah] |
| (ii) | **Senaraikan dua jenis kesalahan di bawah hukuman qisas**.<br><br>Dua jenis kesalahan di bawah hukuman qisas:<br>- Pembunuhan<br>- Perbuatan yang membawa kepada kecederaan | [2 markah] |
| (iii) | **Terangkan hikmah hukuman jenayah dalam Islam**<br><br>- Menegakkan keadilan dalam kalangan manusia agar dapat hidup dengan sejahtera<br>- Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian bagi masyarakat dan negara<br>- Merancakkan pertumbuhan ekonomi tanpa bimbang kepada sebarang rampasan dan kecurian. | [2 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (iv) | <br>**Dibunuh guna tukul besi: Polis**<br>Pakar perlu analisis keadaan wanita dikerat 15 bersama budak lelaki<br>**Ujian DNA kenal pasti identiti mangsa**<br><br>**Kes bunuh semakin kritikal dan membimbangkan. Mengapakah situasi ini semakin berleluasa? Kemukakan hujah anda**.<br><br>Cadangan isi:<br>- Tekanan ekonomi dan sosial.<br>- Masalah kesihatan mental juga turut menyumbang kepada masalah ini<br>- Kurang penghayatan agama | [4 markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |
| | **IBADAH T5: TALAK** | |
| (i) | **Jelaskan maksud talak.**<br>Maksud talak ialah pembubaran perkahwinan oleh suami (1m) dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan (1m) | [2 markah] |
| (ii) | **Jelaskan salah satu daripada talak berikut:**<br>**1. Talak Rajie**<br>- Talak yang boleh dirujuk dalam tempoh iddah tanpa akad nikah dan mahar yang Baharu<br><br>**2. Talak Bain**<br>- Talak yang tidak boleh dirujuk kecuali dengan akad nikah dan mahar yang Baharu. | [2 markah] |
| (iii) | **Nyatakan hukum talak bagi situasi berikut:**<br>1. Seorang suami telah menceraikan isterinya tanpa apa-apa sebab.<br>- Makruh<br><br>2. Seorang isteri diceraikan dalam keadaan haid.<br>- Haram | [2 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (iv) | <br><br>**Cadangkan langkah yang berkesan bagi menangani masalah di atas.**<br><br>- Pendidikan rumah tangga yang menyeluruh<br>- Persediaan yang kukuh dari segi ekonomi<br>- Bersikap toleransi dalam rumahtangga | [4 *markah*]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |
| | **TAMADUN T5: KERAJAAN UTHMANIAH** | |
| (i) | **Senaraikan empat fakta berkaitan kerajaan Uthmaniah**.<br><br>Empat fakta berkaitan kerajaan Uthmaniah.<br>- Pengasas adalah Usman bin Ertughrul.<br>- Kawasan pemerintahan meliputi sebahagian besar Benua Asia, Eropah dan Afrika.<br>- Bilangan pemerintah 37 orang.<br>- Pusat pemerintahan :<br>    ▪ Sogut (1299 -1355 M)<br>    ▪ Bursa (1335 -1365M)<br>    ▪ Edine (1363 - 1453 M)<br>    ▪ Istanbul (1453 – 1924 M) | [4 markah] |
| (ii) | **Siapakah pemerintah pertama dan terakhir kerajaan Uthmaniah.**<br><br>Pemerintah pertama dan terakhir Kerajaan Uthmaniah ialah:<br>- Pertama: Sultan Usman bin Ertughrul.<br>- Terakhir: Sultan Abdul Majid II | [2 markah] |
| (iii) | **Senaraikan dua pusat pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah.**<br><br>Dua pusat pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah.<br>- Sogut (1299 -1355 M)<br>- Bursa (1335 -1365M)<br>- Edine (1363 - 1453 M)<br>- Istanbul (1453 – 1924 M) | [2 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (iv) | **Jelaskan dua sumbangan Sultan Murad 1 bin Urkhan kepada kerajaan Uthmaniyah.**<br><br>Dua sumbangan Sultan Murad 1 bin Urkhan:<br>- Membentuk pasukan Janissary.<br>- Memodenkan angkatan tentera laut.<br>- Menjadikan Erdine sebagai ibu negara. | [4 markah] |
| (v) | **Jelaskan dua sumbangan Sultan Sulaiman al-Qanuni kepada kerajaan Uthmaniyah.**<br><br>Dua sumbangan Sultan Sulaiman al-Qanuni:<br>- Membuka Belgrade.<br>- Menyusun undang-undang yang dikenali sebagai kanunami. | [4 markah] |
| (vi) | **Jelaskan dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniah dari aspek ketenteraan.**<br><br>Dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniah dari aspek ketenteraan.<br>- Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan anggota tentera demi mempertahankan agama dan negara.<br>- Menjaga kebajikan terntera dengan menyelaras system kenaikan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata. | [4 markah] |
| (vii) | **Terangkan dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dalam aspek pentadbiran:**<br><br>Dua faktor kegemilangan Kerajaan Uthmaniyah dalam aspek pentadbiran:<br>- Pemerintah berperanan dengan berkesan sebagai ketua tentera, ketua agama dan hakim tertinggi.<br>- Pemerintah menyelaraskan pemerintahan dan kjeagamaan dibantu oleh pegawai pentadbiran.<br>- Penguasaan lalauan antara Benua Eropah dengan Benua Asia apabila menguasai Selat Dardanelles dan Selat Bosporus. | [4 markah] |
| (viii) | **Terangkan dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dalam aspek keilmuan:**<br><br>Dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dalam aspek keilmuan:<br>- Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu sehingga mencapai kedudukan yang tinggi dalam ilmu pengetahuan, pembangunan, falsafah dan kesenian seni bina teknikal.<br>- Menaiktaraf dan membina institusi masjid seperti Masjid Kasbah di Algeria untuk merancakkan aktiviti keagamaan. | [4 *markah*] |

| | | |
|---|---|---|
| (x) | **Terangkan dua faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah**.<br><br>Dua faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah.<br>- Kemerosotan ekonomi dan beban hutang negara yang tinggi.<br>- Teknologi ketenteraan yang ketinggalan berbanding kuasa barat sehingga kalah dalam peperangan. | [4 *markah*] |
| (ix) | **Terangkan dua iktibar yang dapat di ambil daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyah.**<br><br>Dua iktibar yang dapat di ambil daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyah.<br>- Kita hendaklah sentiasa meghayati semangat cinta akan negara agar rela berkorban mempertahankannya daripada serangan musuh.<br>- Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa agar urusan pentadbiran negara berjalan lancar. | [4 *markah*] |
| | **TOKOH T4: IMAM SYAFIE** | |
| (i) | **Nyatakan riwayat hidup Imam Syafie secara ringkas**.<br><br>Riwayat hidup Imam Syafie:<br>- Nama penuh: Muhammad bin Idris as Syafie<br>- Tarikh lahir: 150H<br>- Tempat lahir: Gaza | [2 markah] |
| (ii) | **Jelaskan dua sifat keperibadian beliau**.<br><br>Dua sifat keperibadian beliau :<br>- Seorang yang mencintai ilmu.<br>- Kuat beribadat. | [2 markah] |
| (iii) | **Senaraikan dua hasil karya beliau.**<br><br>Dua hasil karya Imam As-Syafie:<br>- Al-Risalah<br>- Al-Umm<br>- Al-Musnad | [2 markah] |
| (iv) | **Terangkan dua iktibar daripada keunggulan tokoh.**<br><br>Dua iktibar daripada keunggulan tokoh ialah :<br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran imam mazhab dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu.<br>- - Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab supaya masyarakat hidup harmoni. | [4 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (iiv) | "Imam empat mazhab memiliki ketinggian akhlak yang boleh di jadikan contoh tauladan".<br><br>**Bagaimanakah anda mencontohi Imam Syafie untuk menjadi murid yang cemerlang di dunia dan di akhirat.**<br><br>Cadangan Isi:<br>- Sanggup bermusafir jauh untuk menuntut ilmu<br>- Berusaha bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu<br>- Kuat beribadat | [4 *markah*]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |
| **ADAB T5: TAWADUK MENZAHIRKAN KESUCIAN HATI** | | |
| (i) | **Nyatakan maksud Tawaduk**<br><br>Maksud tawaduk ialah sikap kerendahan hati (1m) kepada Allah dan sesama manusia (1m) | [2 markah] |
| (ii) | **Jelaskan dua sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah**.<br><br>Dua sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah:<br>- Baginda menghormati dan menyayangi kanak-kanak<br>- Baginda bersama-sama membantu isteri menguruskan rumahtangga<br>- Baginda tidak pernah mencela makanan yang disediakan | [4 markah] |
| (iii) | **Terangkan dua hikmah sifat tawaduk dalam kehidupan**<br><br>Dua hikmah sifat tawaduk dalam kehidupan ialah:<br>- Dikasihi masyarakat kerana tidak bersikap sombong<br>- Membentuk insan yang bertakwa kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah<br>- Membentuk keluarga yang harmoni kerana saling Menghormati | [4 markah] |
| (iv) | Sifat tawadhuk merupakan satu daripada sifat mahmudah.<br><br>**Berdasarkan penyataan di atas, bagaimanakah amalan sifat tersebut boleh memberikan kesan kepada masyarakat?**<br><br><u>Cadangan isi:</u><br>- Membentuk masyarakat yang tidak sombong<br>- Mewujudkan masyarakat yang penyayang<br>- Melahirkan masyarakat yang bertakwa | [4 markah]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |
| **ADAB T4: KHAUF DAN RAJA'** | | |
| (i) | **Nyatakan maksud khauf dan raja'.**<br><br>Maksud khauf ialah takut kepada kemurkaan dan azab Allah dengan menjauhi segala laranganNya.<br><br>Maksud raja' ialah mengharapkan keredhaan Allah dengan melaksanakan segala perintahNya. | [4 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (ii) | **Jelaskan konsep khauf dan raja’ yang seimbang.**<br><br>Konsep khauf dan raja’ yang seimbang *ialah:*<br>- Ganjaran syurga dapat menjadi motivasi untuk seseorang itu mendekatkan diri kepada Allah SWT.<br>- Khauf dan raja’ hendaklah berpaksikan husnuzon kepada Allah SWT. | [2 markah] |
| (iii) | **Terangkan contoh khauf dan raja’ yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.**<br><br>*Contoh 1:*<br>- Rasulullah SAW mendirikan solat sunat gerhana matahari dengan khusyuk.<br>- Ketika sujud terakhir baginda menangis kerana takut Allah akan menurunkan azab dan baginda berdoa memohon keampunan Allah.<br><br>Contoh 2:<br>- Rasulullah menziarahi seorang lelaki yang sedang terlantar sakit.<br>- Lelaki itu mengatakan bahawa dia sangat mengharapkan rahmat Allah dan berasa takut akan dosa-dosanya<br>- Rasulullah bersabda jika terdapat perasaan itu pada seseorang hamba maka Allah pasti akan mengabulkan permintaan hambaNya itu. | [4 markah] |
| (iv) | **Terangkan hikmah khauf dan raja’**.<br><br>Hikmah khauf dan raja’ ialah:<br>- Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan agar menjadi hamba yang diredhai Allah.<br>- Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan supaya mendapat kemanisan iman. | [2 markah] |
| (v) | إِنَّهُمْ كَانُوا۟ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۖ وَكَانُوا۟ لَنَا خَٰشِعِينَ...<br>*“sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada kami dengan penuh harapan serta gerun, takut dan mereka pula sentiasa khusyuk dan taat kepada Kami” (surah al-Anbiya’:90)*<br><br>**Huraikan kesan beramal dengan ayat di atas.**<br><br>Cadangan isi:<br>- Melahirkan murid yang berakhlak mulia<br>- Melahirkan murid yang beriman dan bertaqwa<br>- Mendidik murid supaya mentaati perintah Allah SWT | [4 *markah*]<br><br>I<br>H<br>HL<br>K |